

Lawatan sambil belajar Pemimpin Muda Pandu Puteri UNISSA

Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Oktober. - Seramai 53 Ahli Pemimpin Muda Pandu Puteri Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengadakan lawatan sambil belajar ke Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan di ibu negara.

Rombongan diketuai oleh Dr. Syahirah binti Haji Shahlehi selaku Penyelaras Pandu Puteri UNISSA dan bersama tiga pengawas Jawatankuasa Tadbir Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD).

Tujuan lawatan berkenaan adalah untuk memperkenalkan dan memperlihatkan secara dekat tentang pelbagai tugas dan

mengenali produk yang terdapat di Bahagian Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan.

Kedatangan para Ahli Pemimpin Muda Pandu Puteri berserta para guru pengawas yang terlibat dialu-alukan oleh Pegawai Perhubungan, Dayang Hajah Zurina binti Abdullah, dan pegawai dan kakitangan Bahagian Pameran dan Perkhidmatan Pusat Latihan Kesenian.

Lawatan diteruskan dengan sesi taklimat tentang sejarah pusat berkenaan sebelum para Ahli Pandu Puteri diberikan kesempatan menyaksikan alat-alat serta mengikuti proses pembuatan kain tenunan.

Lawatan berkenaan memberi peluang kepada Pemimpin Muda Pandu Puteri untuk lebih memahami sejarah serta mengenali produk kain-kain tenunan Brunei yang dipamerkan di tujuh galeri pameran seperti Galeri Pameran Tenunan, Galeri Songkok, Galeri Batik, Galeri Perak, Galeri Anyaman, Galeri Tembaga dan Galeri Seni Ukir.

Lawatan berkenaan diakhiri dengan penyampaian cenderamata, iaitu dua buah buku terbitan UNISSA daripada Penyelaras Pandu Puteri UNISSA sebagai tanda penghargaan atas kesudian pihak Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan mengalu-alukan kedatangan Ahli Pandu Puteri UNISSA dan Ahli PPPBD.



TARA Ahli Pemimpin Muda Pandu Puteri Universiti Islam Sultan Sharif Ali yang menyertai lawatan sambil belajar ke Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan di ibu negara.



MANISNYA IMAN مانيسث ايمان

"DAN berikanlah kaum kerabat haknya (kebaikan dan hubungan silaturahim) dan begitu juga orang miskin serta orang musafir (yang terputus perbelanjaannya iaitu zakat dan sedekah) dan janganlah engkau membazir (membelanjakan hartamu pada jalan yang menyalahi syarak). Sesungguhnya orang-orang yang membazir (membelanjakan harta pada jalan yang menyalahi syarak) itu ialah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhannya".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Israa', ayat 26 - 27.

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.36 | SUBUH 4.46 | SYURUK 6.05 | DUHA 6.28 | ZUHUR 12.05 | ASAR 3.25 | MAGHRIB 6.03 | ISYAK 7.13 | Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 | BILANGAN 130 | 29 OKTOBER 2022 / 1444 ربيع الآخر 3 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA